

**PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI
"CADANGAN SKIM BEKALAN AIR DI ATAS TANAH KERAJAAN PLOT
1 SELUAS 23.961 EKAR, GENTING PERMAI, MUKIM BENTONG,
DAERAH BENTONG, PAHANG DARUL MAKMUR"**



RINGKASAN EKSEKUTIF

**PEMEGANG PERMIT
TANAH PROJEK:**

PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN (PSK) NEGERI PAHANG
Lot 27, Jalan Seri Kuantan 2,
Sri Kuantan Square, 25050, Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel.: +609 – 531 7160; Faks: +609 – 531 7161

PENGERAK PROJEK:

SERI ALIRAN SDN. BHD. (1456198-P)
Level 1-4, Plaza Seri Setia, Jalan SS9/2,
47300, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel.: +603 – 7877 7333; Faks: +603 – 7877 7111
U.P.: Dato Sri Daniel Lim Hock Sing
(Pengarah Eksekutif)

**PERUNDING KAJIAN
EIA:**

EUROPASIA ENGINEERING SERVICES SDN. BHD.
No. 63A-2 & 65-2, Petaling Utama Avenue, Jalan PJS 1/50,
Taman Petaling Utama, 46150 Petaling Jaya, Selangor
Tel: +603 – 77833639/40, Faks: +603 - 77843200
U.P.: Ms. Nur Arina bt. Muhamad Affandi
(CEP-C0101) (Ketua Pasukan Kajian EIA)

KAWASAN PROJEK

Jumlah kawasan Tapak Projek adalah 23.961
ekar.

KONSEP PROJEK


Skim Bekalan Air (WSS) dengan fasiliti sokongan.
Usahasama di antara Pengurusan Air Pahang
(PAIP) dengan Seri Aliran Sdn. Bhd. menggunakan
kaedah bina, kendali dan pindah (BOT) untuk
tempoh 25 tahun.

BIDANG KUASA

Majlis Perbandaran Bentong (MPB)



AKSESIBILITI



- Kuala Lumpur - Karak Expressway (E8) → Jalan Genting Sempah - Genting Highlands → Jalan Jaya Permai → jalan tanah di dalam pembangunan bersebelahan yang sedang dijalankan → Tapak Projek

KEADAAN SEMASA

- Berdasarkan lawatan tapak pada bulan April 2025, Tapak Projek mengandungi hutan sekunder, cerun dan kawasan yang telah dikacauganggu, anak Sg. Berdah dan Sg. Berdah.




RESEPTOR-RESEPTOR TERDEKAT DENGAN TAPAK PROJEK (DALAM RADIUS 1KM)

- 1) Midhills (~160m)
- 2) Scapes Hotel Genting Highlands (~275m)
- 3) Private Bungalows (~528m)

Direction	Residential	Others
North	-	- Forest - HSK Bukit Tinggi - Sg. Berdah - Tributary of Sg. Berdah - Awana Genting Highlands Golf Course - Resorts World Awana
East	-	Forest
West	Private Bungalows	- Midhills - Scapes Hotel Genting Highlands - IBN Highlands City - Jalan Jaya Permai - Highlands International Boarding School - Genting View Resort - Genting Permai Resort
South	-	- Forest - Sg. Berdah - Sg. Tanglir


PELAN KUNCI DAN PELAN LOKASI



SKALA 1 : 60,000



SKALA 1 : 20,000




SKALA 1 : 20,000

KEADAAN SEMASA TAPAK PROJEK



Aerial view facing the middle and western parts of the Project Site



Aerial view facing the eastern and southern parts of the Project Site




Aerial view facing the northern part of the Project Site



Aerial view facing the southern part of the Project Site

RESEPTOR-RESEPTOR TERDEKAT DENGAN TAPAK PROJEK



Jadual Pertama - Aktiviti 13: PEMBANGUNAN DI KAWASAN CERUN



Pembangunan atau pembersihan tanah yang meliputi kawasan yang kurang daripada 50 peratus kawasan cerun yang berkecerunan melebihi atau sama dengan 25° tetapi kurang daripada 35°

- Kira-kira 39.80% kawasan Tapak Projek adalah steep slopes (>25° - 35°)

 28 Ogos 2015 28 August 2015 P.U. (A) 195	WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE
PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (AKTIVITI YANG DITETAPKAN) (PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING) 2015 ENVIRONMENTAL QUALITY (PRESCRIBED ACTIVITIES) (ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT) ORDER 2015	
	DISEBARKAN OLEH/ PUBLISHED BY JABATAN PERUKAN NEGARA/ ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KEPERLUAN PROJEK

1

PERMINTAAN AKSES AIR BERSIH

- Permintaan akses kepada bekalan air bersih yang mencukupi untuk kegunaan awam adalah sangat penting bagi pembangunan berdekatan seperti projek Rimbawan, Bayu Hills, IBN Highlands City, Kingspark, Tropicana dan Pavilion di kawasan Genting Permai.

2

KELANCARAN PERKHIDMATAN AIR

- Dengan memastikan perkhidmatan air yang lancar, pihak berkuasa seperti PAIP dapat mendorong pengurusan dan penyelarasan sistem bekalan air yang cemerlang termasuk melindungi kualiti air dan menjamin kelestarian sumber air untuk jangka masa panjang.

3

KEPENTINGAN JANGKA MASA PANJANG

- Pembinaan infrastruktur seperti bekalan air adalah pelaburan jangka panjang dalam kelestarian masyarakat dan pembangunan kawasan setempat.

5

KAWASAN PELANCONGAN

- Disebabkan kawasan Genting Permai ini kian meningkat dalam jumlah pelancong yang hadir dan bakal menjadi salah satu tarikan pelancong untuk datang dan menikmati keindahan alam kawasan Genting Permai ini, maka ini boleh menyumbang kepada permintaan tinggi terhadap bekalan air yang sedia ada dan memerlukan peningkatan infrastruktur untuk menampung permintaan sementara yang tinggi ini.

4

KESIHATAN AWAM


- Bekalan air bersih yang mencukupi adalah kritikal untuk menjamin kesihatan awam.

6

PERKARA-PERKARA LAIN YANG MENYOKONG

- Tapak Projek yang dicadangkan terletak di kawasan Genting Permai yang berpotensi tinggi sebagai hab pelancongan.
- Projek pembinaan skim bekalan air Genting Permai akan dijalankan secara usahasama di antara Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) dengan Seri Aliran Sdn. Bhd.

KESESUAIAN ZON




- Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian), cadangan Tapak Projek terletak di dalam Blok Perancangan (BP) 1 - Bentong dan lebih spesifik di dalam Blok Perancangan Kecil (BPK) 1.6B – Genting Highlands.
- Berdasarkan Blok Perancangan Kecil (BPK) 1.6B – Genting Highlands, pengezonan Tapak Projek adalah Hutan Simpan Kekal Bukit Tinggi.

KESESUAIAN ZON


KOLUM I	KOLUM II	KOLUM III		KOLUM IV	KOLUM V
JENIS GUNA TANAH UTAMA	AKTIVITI YANG DIBENARKAN	AKTIVITI LAIN YANG DIBENARKAN DENGAN SYARAT		AKTIVITI TIDAK DIBENARKAN	LAIN-LAIN SYARAT
		AKTIVITI LAIN	SYARAT		
I. HUTAN	I1: HUTAN 1. Hutan Simpan Kekal • Hutan Darat	F. INFRASTRUKTUR DAN UTILITI F1: BEKALAN ELEKTRIK F3: BEKALAN AIR F4: PENGAIIRAN DAN SALIRAN F5: TELEKOMUNIKASI G. TANAH LAPANG DAN REKREASI G3: KEMUDAHAN SOKONGAN PELANCONGAN	• Membenarkan aktiviti rekreasi, pelancongan dan penyelidikan. • Sebarang aktiviti mesti tidak mencemarkan dan mengganggu ekologi hutan. • Pembinaan <i>boardwalk</i>, laluan, wakaf tertakluk kepada kelulusan jabatan/ agensi teknikal berkaitan. • Aktiviti perlu mendapat kebenaran dan kelulusan Jabatan Perhutanan dan agensi teknikal berkaitan. • Pelaksanaan sistem pengurusan Kawasan Sensitif Alam Sekitar bagi kawalan kawasan tadahan air, pemeliharaan warisan hutan, flora fauna, rekreasi dan penyelidikan. • Sebarang penggunaan kawasan hutan simpan kekal perlu mematuhi Garis Panduan Pembangunan dan tertakluk kepada kelulusan Jabatan Hutan, JPS, PBT dan jabatan/agensi berkaitan.	Selain aktiviti yang dinyatakan di KOLUM I, II dan III	• Aktiviti yang berkaitan dengan perlindungan hidupan liar dan perhutanan perlu merujuk dan mendapat kelulusan daripada Jabatan Perhilitan dan Jabatan Perhutanan terlebih dahulu. • Mengekalkan dan mewartakan Hutan Simpan Kekal Bukit Tinggi. • Rujuk kepada Garis Panduan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Tanah Tinggi dan Lereng Bukit) Negeri Pahang. • Perlu merujuk kepada Garis Panduan/ Piawaian Perancangan Kawasan Tanah Lapang dan Rekreasi. • Semua pemajuan perlu mematuhi aspek perundangan, dasar, garis panduan dan piawaian perancangan yang digunakan serta ditetapkan oleh PBN, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa), PBPT dan jabatan / agensi yang berkaitan. • Pemeliharaan dan pengekalan kawasan hutan di sepanjang sungai.
J. BADAN AIR	J1: SEMULA JADI 2. Sungai G3: KEMUDAHAN SOKONGAN PELANCONGAN	Aktiviti sedia ada dan telah mendapat kelulusan Pihak Berkuasa Negeri	• Sebarang pembangunan baru di kawasan pesisir sungai perlu mengadap sungai dan mematuhi Garis Panduan Pembangunan di Pesisiran Sungai serta tertakluk kepada kelulusan daripada JAS dan JPS.		• Pembangunan berstruktur di kawasan rizab sungai tidak dibenarkan dan perlu mengikut Jabatan Pengairan dan Saliran. • Rizab sungai tidak boleh diberi milik. • Cadangan rizab sungai adalah secara indikatif dan tertakluk kepada JPS.

- Berdasarkan Jadual Kelas Kegunaan Tanah Blok Perancangan Kecil (BPK) 1.6B – Genting Highlands, Kolum III, aktiviti lain yang dibenarkan dengan syarat adalah Infrastruktur Dan Utiliti – Bekalan Air.
- Cadangan Skim Bekalan Air Di Atas Tanah Kerajaan Plot 1 Seluas 23.961 Ekar, Genting Permai, Mukim Bentong, Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur telah diluluskan oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Negeri Pahang.



- Keseluruhan pembangunan Skim Bekalan Air Genting Permai dibahagikan kepada tiga blok iaitu Blok A, Blok B dan Blok C, yang terletak di sebahagian Kompartmen 100, 101, 102 dan 103 Hutan Simpan Bukit Tinggi.
- Pada tahun 2025, Seri Aliran Sdn. Bhd. [anak syarikat milik penuh Casa Inspirasi Sdn. Bhd. (CISB)] telah menyerahkan semula kelulusan dan Permit Penggunaan Hutan bagi Blok C (sebahagian Kompartmen 103) untuk pembangunan Skim Bekalan Air Genting Permai kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Negeri Pahang.
- Skop projek yang dicadangkan adalah untuk membangunkan Skim Bekalan Air (*Water Supply Scheme*, WSS) beserta kemudahan sokongan dengan keluasan keseluruhan 23.961 ekar di Plot 1 Tanah Kerajaan.


PENERANGAN PROJEK



Cadangan Pelan Susunatur Tapak Projek

- Komponen pembangunan bagi Fasa 1 adalah seperti berikut:
 - 1 unit Kolam Takungan Air Pinggir Sungai (4.578 ekar atau 19.10%)
 - 1 unit Loji Rawatan Air (0.544 ekar atau 2.27%)
 - 1 unit Tangki Sedutan (0.231 ekar atau 0.97%)
 - 1 unit Rumah Pam (0.145 ekar atau 0.61%)
 - 1 unit Pencawang TNB (0.032 ekar atau 0.13%)
 - Lencongan Sungai seluas 0.548 ekar atau 2.29%
- Komponen pembangunan masa hadapan adalah seperti berikut:
 - 1 unit Tangki Air Bertingkat (0.238 ekar atau 0.99%)
 - 1 unit Tangki Sedutan (0.231 ekar atau 0.97%)
- Komponen bagi kemudahan sokongan terdiri daripada:
 - Kawasan Hijau seluas 14.795 ekar atau 61.74%
 - Simpanan Jalan seluas 2.619 ekar atau 10.93%
- Cadangan jalan berukuran 66 kaki dan 20 kaki akan dibina oleh Seri Aliran Sdn. Bhd. dalam kawasan Simpanan Jalan seluas 2.619 ekar atau 10.93% tersebut.
- Pelaksanaan skim bekalan air berserta Kemudahan Sokongan dengan keluasan keseluruhan 23.961 ekar di Tanah Kerajaan Plot 1 dibahagikan kepada Fasa 1A dan Fasa 1B. Pada peringkat awal, tumpuan diberikan kepada Fasa 1A [Loji Rawatan Air (LRA) berkapasiti 3 JLH (MLD)].
- Komponen bagi Fasa 1A adalah seperti berikut:
- Phase 1A (Pengambilan Air Sg. Berdah)
 - A) Tapak 1 @ 762 mRL
 - i) 1 unit Loji Rawatan Air (LRA) berkapasiti 3 JLH (MLD);
 - ii) 1 unit Kolam Takungan Air Pinggir Sungai (Off River Storage, ORS) berkapasiti kira-kira 35 ML;
 - iii) 1 unit Rumah Pam;
 - iv) 1 unit Tangki Imbangan Air Terawat berkapasiti 6 ML pada aras 762 mRL;
 - v) 1 unit Pencawang TNB; dan
 - vi) 1 unit struktur takungan sedutan pengambilan air (intake pump sump) atau pam tenggelam (submersible pump).

PENERANGAN PROJEK



- Cadangan Loji Rawatan Air (WTP) Fasa 1 mempunyai kapasiti 3 MLD. Air mentah akan diambil melalui Stesen Pam Pengambilan (Intake Pump Station) dari Takungan Air Pinggiran Sungai (TAPS) yang menerima aliran air daripada Sungai Berdah. Stesen Pam Pengambilan ini akan dibina di tebing TAPS dan terletak berhampiran dengan kemudahan WTP yang dicadangkan.
- WTP yang dicadangkan menggunakan sistem rawatan konvensional yang melibatkan proses pemendapan (settling) dan penapisan pasir (sand filtration), dengan bantuan proses koagulasi dan flokulasi menggunakan bahan kimia.
- Loji Rawatan Air (WTP) ini akan mempunyai komponen utama seperti berikut:
 1. Aerator/Flash Mixing Chamber
 2. Clarifier Tanks
 3. Rapid Sand Filter/Filter Gallery/Blower Room
 4. Chlorine Contact Tank/Clear Water Tank/Treated Water Pump Station
 5. Chemical Preparation and Storage Building
 6. Water Recovery Tank
 7. Sludge Drying Bed and Sludge Cake Yard
 8. Office and Toilet Facility
- Air terawat daripada Loji Rawatan Air (WTP) akan dipam ke Tangki Sedutan/Simpanan untuk pengagihan seterusnya ke dalam rangkaian bekalan air.

JANGKAAN PERMINTAAN UTILITI & PENGHASILAN

Permintaan Elektrik = 137.93kW – Fasa 1A

Permintaan Air = 3 juta liter sehari (MLD) – Fasa 1A



Penjanaan Sisa Pepejal (Fasa Pembinaan) = 20.5 kg/hari
Penjanaan Sisa Pepejal (Fasa Operasi) = 2.05 kg/hari



Penjanaan Kumbahan (Fasa Pembinaan) = 10,500 L/hari (50PE)
Penjanaan Kumbahan (Fasa Operasi) = 1,050 L/day (5PE)

JADUAL PEMBANGUNAN PROJEK

PROGRAM KERJA	2026												2027												2028												2029												
	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	Jan	Feb	Mar	Apr	May	Jun	Jul	Aug	Sep	Oct	Nov	Dec	
CADANGAN PEMBINAAN SKIM BEKALAN AIR GENTING PERMAI																																																	
River Diversion Works & Earthworks																																																	
Commencement of Intake Works Constructions (PS 1)																																																	
Intake Works Mechanical & Electrical Works (PS 1)																																																	
Intake Works Pumping Main Works (PS 1)																																																	
Testing & Commissioning of Intake Works (PS 1)																																																	
Commencement of RWTP Works Constructions (3 MLD) (PS 1)																																																	
RWTP Mechanical & Electrical Works																																																	
Testing & Commissioning of RWTP Works																																																	

- Pembangunan Skim Bekalan Air yang dicadangkan bersama kemudahan sokongan bagi Fasa 1A akan dilaksanakan dalam tempoh 33 bulan.
- Kerja-kerja tanah (earthworks) akan dijalankan secara keseluruhan dalam satu peringkat selama 8 bulan.
- Kerja-kerja lencongan sungai dan kerja tanah dijangka bermula pada November 2026 dan siap pada Jun 2027.
- Kerja-kerja struktur dan infrastruktur pula dijangka bermula pada Jun 2027 dan dijangka siap pada Julai 2029.





TOPOGRAFI

- Tapak projek terdiri daripada kawasan berbukit yang merangkumi rabung, kawasan potong dan tambak, dengan pelbagai kecerunan cerun yang curam, lengkungan tanah, lembah saluran serta sungai.
- Kebanyakan aras ketinggian di dalam tapak projek berada dalam julat 720 m hingga 806 m dari purata aras laut (msl).
- Kawasan tertinggi (sekitar 805.25 m) terletak di bahagian barat tapak projek, manakala kawasan terendah (sekitar 727.405 m) terletak di bahagian selatan tapak projek.



HIDROLOGI

- Tapak projek terletak dalam kawasan tadahan air Sg. Berdah.
- Sg. Berdah yang berpunca dari Hutan Simpan Bukit Tinggi, mengalir melalui kawasan projek dari arah utara ke tenggara sebelum mengalir ke Sg. Tanglir.
- Selain itu, kawasan tadahan Sg. Berdah merupakan sub-kawasan tadahan bagi Sg. Pahang.
- Sg. Berdah → Sg. Tanglir → Sg. Benus → Sg. Bentong → Sg. Semantan → Sg. Pahang
- Terdapat sepuluh (10) pengambilan air dalam kawasan tadahan Sg. Pahang, yang terletak di bahagian hilir (downstream) dari tapak projek.




HIDROGEOLOGI & AIR BAWAH TANAH

- Tapak Projek terletak dalam rejim akuifer berpotensi rendah di kawasan ini. Telaga tiub aktif terdekat terletak di Kg. Janda Baik, iaitu kira-kira 8.0 km ke arah tenggara dari Tapak Projek.
- Telaga tiub di Kg. Janda Baik menunjukkan bahawa air bawah tanah berupaya menghasilkan antara >5.0 hingga <10.0 m³/jam. Kualiti air adalah segar dan secara amnya selamat untuk diminum, dengan jumlah pepejal terlarut (TDS) kurang daripada 1,500 mg/L bagi telaga tiub tersebut. Telaga tiub yang tidak aktif sebelum ini digunakan untuk tujuan air mineral semula jadi atau air minuman.



GELOGI AM

- Kawasan tapak projek terletak di atas Batuan Granit Banjaran Utama (Main Range Granite) Semenanjung Malaysia.





TANAH

- Keseluruhan tapak projek terletak di kawasan tanah curam.

PENYIASATAN TANAH (SI)

- Sebanyak tiga belas (13) lubang gerudi, iaitu BH-1/SP2, BH-2/SP1, BH-3, BH-4/SP3, BH-5, BH-6/SP4, BH-7, BH-8, BH-9/SP5, BH-10, BH-11/SP6, BH-12/SP8, dan BH-13/SP7 telah digerudi di dalam tapak projek.
- Lubang gerudi tersebut dihentikan pada kedalaman antara 8.50 m hingga 33.29 m di bawah aras tanah selepas sekurang-kurangnya tujuh (7) lapisan keras berturut-turut dengan nilai SPT-N ≥ 50 pukulan atau selepas sekurang-kurangnya 6 m penggerudian teras batuan berterusan bagi lapisan batuan dasar granit.
- Kebanyakan lubang gerudi mencapai lapisan batuan dasar granit, kecuali BH1, BH2, BH3, BH6 dan BH12.
- Paras air bawah tanah yang direkodkan bagi semua lubang gerudi adalah antara 1.18 m hingga 28.27 m dari aras tanah.




GUNA TANAH

- Jumlah keluasan kawasan impak dalam radius 5 km dari sempadan tapak projek dianggarkan sebanyak 20,969.71 ekar (8,486.154 hektar).
- Jenis guna tanah yang paling dominan di kawasan impak tersebut ialah hutan.




KECERUNAN CERUN

- Kecerunan 0° hingga 5° meliputi 1.71% (0.41 ekar).
- Kecerunan >5° hingga 15° meliputi 30.26% (7.25 ekar).
- Kecerunan >15° hingga 25° meliputi 21.72% (5.20 ekar).
- Kecerunan >25° hingga 35° meliputi 39.80% (9.54 ekar).
- Kecerunan >35° hingga 60° meliputi 6.49% (1.55 ekar).





- Tapak Projek direstakan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (ESA) Kelas 2 kerana terletak di kawasan tanah tinggi (300–1000 m) serta bersebelahan dengan kawasan ESA lain iaitu Hutan Simpan Bukit Tinggi (ESA Kelas 1 – Hutan) dan Genting Highlands (ESA Kelas 1 – Kawasan Tanah Tinggi >1000 m) di bawah Pelan Tempatan Majlis Daerah Bentong 2035 (Penggantian).
- Tapak projek juga berada dalam salah satu daripada 55 kawasan *Important Bird and Biodiversity Area* (IBA) dan *Key Biodiversity Area* (KBA) di Malaysia (www.birdlife.org), iaitu dalam kawasan Selangor Heritage Park (16016).
- Pada masa ini, tapak projek berada dalam kawasan yang agak terganggu, dengan litupan tumbuhan terdiri daripada semak sekunder, kelompok kecil pokok hutan, buluh, rotan dan pokok pisang. Kawasan sekitarnya pula kebanyakannya terdiri daripada hutan dan kebun.
- Hidupan liar yang biasa dilihat di tapak projek dan kawasan hutan sekitarnya termasuk monyet, babi hutan dan tupai. Spesies mamalia yang direkodkan termasuk ungka, kera ekor panjang, beruk, lotong cengkong, tikus bukit, kelawar, babi hutan dan tupai.
- Bilangan spesies reptilia adalah terhad, antaranya ular, biawak, cicak terbang dan cicak jambul hijau. Bagi amfibia pula, spesies yang biasa ditemui ialah katak puru (*Bufo asper*) serta katak (*Rana erythraea*, *Rana chalconota* dan *Leptobrachium nigrops*).
- Kebanyakan burung yang diperhatikan di tapak projek dan kawasan sekitarnya semasa tinjauan adalah burung merpati, burung tiong dan gagak rumah, yang sering berada di kawasan kabel elektrik, tepi jalan dan tempat pembuangan sampah.
- Selain itu, terdapat juga burung pemangsa seperti helang kuik (*Spilornis cheela*) dan helang hitam (*Ictinaetus malaiensis*) yang sering dilihat berlegar di ruang udara kawasan hutan berhampiran tapak projek.



KUALITI AIR



Kualiti Air Permukaan

- Keputusan menunjukkan bahawa semua stesen persampelan kualiti air permukaan/sungai bagi kedua-dua sesi berada dalam Kelas II hingga Kelas III, dengan julat WQI antara 65 hingga 84.
- Secara keseluruhannya, semua stesen tersebut diklasifikasikan daripada bersih hingga sedikit tercemar.

KUALITI UDARA




- Kesemua parameter di kesemua stesen persampelan mematuhi *Malaysian Ambient Air Quality Standards, Standard 2020*.

PARAS BUNYI




- Paras bunyi sedia ada di N1 dan N2 bagi kedua-dua sesi adalah dalam had maksimum yang dibenarkan (LAeq).

PARAS GETARAN




- *Vertical vibration root mean square* (mm/s RMS) yang diukur di V1 dan V2 menunjukkan bahawa nilai yang direkodkan adalah dalam had maksimum 0.2 mm/s atau 200 μ m/s seperti yang ditetapkan dalam *First Schedule* untuk kediaman.

LOKASI STESEN-STESEN PERSAMPELAN GARISDASAR KUALITI AIR PERMUKAAN/SUNGAI, KUALITI UDARA AMBIEN SERTA TAHAP BUNYI DAN GETARAN.



Tinjauan Persepsi Sosial

- Satu tinjauan sosial telah dijalankan pada 17 Jun 2025 menggunakan borang soal selidik dalam talian. Soal selidik tersebut telah diedarkan kepada penduduk Midhills, Scapes Hotel, IBN Highlands City dan Highlands International Boarding School. Walau bagaimanapun, kawasan banglo persendirian tidak dapat diakses kerana sekatan kemasukan.
- Sebahagian kecil responden (20%) telah mendengar mengenai projek yang dicadangkan, manakala majoriti responden (80%) tidak mengetahui tentang projek tersebut.
- Majoriti responden menunjukkan penolakan terhadap cadangan pembangunan, iaitu 40% sangat tidak bersetuju dan 40% tidak bersetuju, menjadikan jumlah keseluruhan penolakan sebanyak 80%.
- Hanya 20% responden menyatakan persetujuan sepenuhnya, manakala tiada responden yang memilih pilihan neutral atau setuju.
- Antara sebab utama penolakan adalah berkaitan kebimbangan terhadap alam sekitar dan sosioekonomi, khususnya disebabkan lokasi projek yang berhampiran dengan kawasan kediaman seperti Midhills. Responden turut menyuarakan kebimbangan terhadap risiko hakisan tanah dalam jangka masa panjang.
- Selain itu, terdapat juga kebimbangan terhadap impak semasa fasa pembinaan seperti bunyi bising, pencemaran udara, serta kesesakan lalu lintas akibat pergerakan kenderaan berat seperti lori.



FASA PEMBINAAN



LALUAN LOGISTIK

- a) Jalan Genting Sempah - Genting Highlands → Jalan Jaya Permai → jalan tanah di dalam kawasan pembangunan berhampiran yang sedang berjalan → Tapak Projek

IMPAK

- Gangguan bunyi bising, debu dan getaran.
- Peningkatan risiko lalu lintas khususnya kepada pengguna jalan di Jalan Genting Sempah – Genting Highlands dan Jalan Jaya Permai.
- Peningkatan trafik juga boleh mengganggu kelancaran aliran lalu lintas serta menimbulkan gangguan dan bahaya kepada pengguna jalan raya lain.
- Tumpahan bahan binaan mentah di atas jalan awam.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Kesemua aktiviti pergerakan masuk dan keluar lori-lori dan juga kerja-kerja pembinaan dihadkan dari 8.00pg hingga 6.00ptg sahaja.
- Kesemua aktiviti pergerakan masuk dan keluar lori-lori dan juga kerja-kerja pembinaan tidak dibenarkan untuk dijalankan pada hari Ahad dan cuti am.
- Menyapu dan membersihkan pintu masuk tapak pembinaan dan jalan akses secara kerap.
- Pembasahan jalan akses semasa pembinaan dengan kerap oleh *water bowser trucks*.
- Pengawal lalu lintas hendaklah disediakan di pintu masuk tapak pembinaan dan simpang jalan akses.
- Lori-lori yang membawa bahan-bahan mentah hendaklah ditutupi dengan *tarpaulin/canvas*.
- Amaran dan papan tanda lalu lintas, lampu dan penghadang yang mencukupi hendaklah dipaparkan dengan jelas bersama-sama dengan papan tanda arah yang jelas.
- Tiga (3) unit *wash trough* dicadangkan untuk disediakan di pintu masuk tapak pembinaan.

PENGINAPAN PEKERJA

Dijangkakan sebanyak 50 pekerja diperlukan semasa fasa pembinaan.

IMPAK

- Penjanaan sisa kumbahan dan sisa pepejal.
- Pelepasan secara terus tanpa dirawat boleh menyebabkan pencemaran air serta bau busuk.
- Terdedah kepada penyakit berjangkit.
- Tumpahan minyak/grease dan cecair hidraulik/pelincir ke atas tanah menyebabkan pencemaran tanah dan air bawah tanah.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Tiada kuarters pekerja sementara dan pejabat tapak akan dicadangkan di dalam kawasan tapak projek.
- Walau bagaimanapun, kumbahan hendaklah dilupuskan dengan sewajarnya dengan menyediakan tandas bergerak/mudah alih.
- Tiada kawasan penyelenggaraan dan bengkel akan diwujudkan di dalam tapak projek.
- Sebarang minyak/gris terpakai serta sisa hidraulik/pelincir yang terhasil hendaklah disimpan dan dikendalikan mengikut *Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005*.

FASA PEMBINAAN

PEMBERSIHAN TAPAK



Jumlah AGB bagi kawasan hutan sekunder (pokok dan renek) adalah 132.624 tan. Penggerak Projek/Pemaju hendaklah melantik kontraktor untuk melupuskan biojisim tersebut di Tapak Pelupusan Sanitari Padang Sertik.



KERJATANAH

- Jumlah *cut & fill*: **74,800 m³ dan 625,000 m³**.
- Sumber bahan tanah yang sesuai untuk kawasan timbusan di tapak projek akan diimport dari kawasan *borrow pit* luar tapak di mana akan ditentukan oleh pihak kontraktor yang dilantik pada peringkat kemudian nanti.
- Tiada batuan dasar (bedrock) akan digali atau dilupuskan. Oleh itu, tiada kerja letupan (blasting) akan dijalankan.
- Kerja-kerja lencongan sungai bagi anak Sungai Berdah dan Sungai Berdah akan dilaksanakan.

IMPAK

- Masalah hakisan dan pemendapan kelodak.
- Kemerosotan kualiti air akibat beban organik yang berlebihan.
- Pembakaran terbuka biojisim atau sisa pepejal akan menghasilkan jelaga dan habuk.
- Kegagalan cerun.
- Enapan tanah bawah (subsoil) akibat beban yang dikenakan selepas kerja timbusan.
- Jika tidak dipadatkan dengan sempurna, kawasan timbusan mudah terdedah kepada hakisan, gelinciran dan penurunan tanah (subsidence).

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Kawalan hakisan seperti penjadualan/penyusunan kerja, turfing/hydroseeding dan penggunaan geotekstil/tikar penstabil.
- Kawalan pemendapan kelodak seperti kolam pemendapan (sediment basin), geotekstil dan beg pasir.
- Kawalan air larian seperti parit tanah sementara, perlindungan saluran keluar saluran, check dam, saluran bertingkat (cascade drain) dan parit berm.
- Kawalan perimeter seperti pagar kelodak (silt fence), akses pembinaan yang distabilkan, turapan blok saling kunci dan konkrit, serta longkang pencuci tayar (wash trough).
- Penyapuan jalan dan pembersihan menggunakan vakum.
- Menjaga kawasan supaya lembap dengan penyiraman air secara berkala. Penyelenggaraan berkala terhadap langkah pencegahan dan mitigasi pencemaran kerja tanah (LDP2M2) serta amalan pengurusan terbaik (BMPs).
- Pemantauan instrumentasi akan dipasang bagi memantau kestabilan cerun.
- Kerja-kerja timbusan hendaklah dilaksanakan mengikut spesifikasi bagi memastikan kestabilan tambakan.

FASA PEMBINAAN



HAKISAN TANAH

IMPAK

Di bawah senario keadaan terburuk:

- Anggaran purata kadar hakisan tanah di bawah senario keadaan terburuk untuk keseluruhan kawasan kerjatanah dan pembinaan tapak projek adalah **869.10 tons/ha/year**.
- Anggaran jumlah sedimen terhasil per storm event di bawah senario keadaan terburuk untuk keseluruhan kawasan kerjatanah dan pembinaan tapak projek adalah **431.47 tons**.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Melaksanakan dan penyelenggaraan LD-P2M2 dengan efisien.
- Menyediakan kolam sedimen.
- Menyelenggara rangkaian saluran/perparitan dan kolam sedimen.
- Perlindungan bioteknikal dan amalan mekanikal untuk mengurus tanah yang terdedah.
- Mematuhi kepada syarat-syarat kelulusan.

BUNYI & GETARAN

IMPAK



- Kumulatif paras-paras bunyi waktu siang L10 dan Lmax yang diramalkan di kesemua NSRs adalah dalam lingkungan *maximum permissible limits*.
- Tindak balas komuniti yang dijangkakan terhadap bunyi bising semasa tempoh pembinaan adalah tiada dan dianggap tidak signifikan di NSR 1: Midhills Genting Highlands Residency dan NSR 2: satu (1) unit banglo persendirian di Jalan Jaya Permai.
- VSR 1: Midhills Genting Highlands Residency terletak di luar zon pengaruh getaran bagi kerosakan kosmetik serta di luar zon pengaruh getaran terhadap tindak balas manusia.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Kesemua aktiviti pergerakan masuk dan keluar lori-lori dan juga kerja-kerja pembinaan dihadkan dari 8.00pg hingga 6.00ptg sahaja.
- Kesemua aktiviti pergerakan masuk dan keluar lori-lori dan juga kerja-kerja pembinaan tidak dibenarkan untuk dijalankan pada hari Ahad dan cuti am.
- Menggunakan peralatan yang mengeluarkan paras bunyi yang rendah di kawasan berdekatan dengan reseptor.
- Menyelenggara kesemua peralatan dan jentera.
- Merancang tugas kerja untuk operasi *earthmoving* dan *ground-impacting* kalau boleh tidak berlaku dalam tempoh masa yang sama.

FASA PEMBINAAN



UDARA

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Zarah bawaan udara daripada aktiviti di dalam Tapak Projek mungkin hanya akan memberi kesan kepada pekerja dan kakitangan projek. Sementara itu, tiada penerima sensitif udara yang terletak di kawasan tenggara dari Tapak Projek.
- Keadaan berjerebu, terutamanya semasa tempoh kering dan berangin.
- Masalah kesihatan, iaitu batuk, kerengsaan mata, kesukaran bernafas, dan sebagainya.
- Habuk dan debu yang dihasilkan juga boleh menimbulkan gangguan kepada pengguna jalan raya dengan jarak penglihatan yang rendah dan tidak estetik secara visual sepanjang laluan itu.

- Terdapat tiga (3) bilangan wash trough /kemudahan mencuci roda yang dilengkapi dengan pancutan air yang dicadangkan untuk Tapak Projek ini.
- Pembasahan tanah yang kerap serta laluan tanah terutamanya semasa musim kemarau untuk membantu meminimumkan penyebaran habuk.
- Menyapu serta membersihkan pintu masuk/keluar Tapak Projek dan jalan akses sementara secara kerap.
- Pembakaran terbuka tidak dibenarkan sama sekali di dalam Tapak Projek.
- Penanaman semula kawasan yang terdedah perlu dijalankan.
- Pembinaan jalan jenis *crusher run* yang dipadatkan atau sekurang-kurangnya jalan tanah yang dipadatkan.
- Kawasan penyimpanan yang sesuai dan bertutup dengan baik.
- Lori yang membawa bahan mentah pukat hendaklah ditutup dengan sempurna.

PENJANAAN SISA

IMPAK



LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Puing/serpihan yang tidak dijaga boleh memberi impak dari segi keselamatan di tempat kerja.
- Banjir setempat boleh berlaku akibat sekatan pada sungai atau saliran.
- Pembakaran terbuka akan menjejaskan kualiti udara.
- Tumpahan minyak/gris serta cecair hidraulik/pelincir ke atas tanah boleh menyebabkan pencemaran tanah dan air bawah tanah serta pencemaran air.

Digunakan semula dan dikitar semula.

- Penyediaan kawasan yang ditetapkan untuk pelupusan sisa pepejal sementara di dalam Tapak Projek.
- Melantik kontraktor untuk melupuskan sisa pembinaan dan sisa domestik yang dikutip di Tapak Pelupusan Sanitari Padang Sertik.
- Pembakaran sebarang jenis sisa adalah dilarang sama sekali.
- Semua buangan terjadual hendaklah dikendalikan mengikut keperluan *Environmental Quality (Scheduled Wastes) Regulations 2005*.
- Jumlah buangan terjadual yang terkumpul di tapak tidak boleh melebihi 20 metrik tan atau 180 hari.

FASA OPERASI

PENGURUSAN SISA



IMPAK

- Anggaran sisa pepejal sebanyak 2.05 kg sehari dijangka terhasil daripada pekerja/kakitangan di tapak.
- Kemerosotan kualiti air sungai.
- Eutrofikasi dan penyebaran patogen.
- Gangguan bau dan persekitaran yang tidak menarik dari segi estetika.
- Mewujudkan kawasan pembiakan yang sesuai bagi vektor penyakit.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Penyediaan tong pengumpulan sisa yang mencukupi serta kutipan sisa secara berkala.
- Semua sisa pepejal yang dikumpul hanya akan dilupuskan di tapak pelupusan yang sah.
- Enapcemar kering (sludge cake) yang terhasil daripada loji rawatan air (WTP) (SW204) dicadangkan untuk dilupuskan di Tapak Pelupusan Sanitari Padang Sertik.
- Permohonan pengurusan khas bagi buangan terjadual akan dikemukakan oleh Penggerak Projek/Pemaju kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS).
- Tangki septik 5 PE dicadangkan dalam pembangunan semasa fasa operasi.

PENGURUSAN AIR RIBUT

IMPAK



Air larian permukaan akan meningkat hasil daripada pengurangan kapasiti penyusupan hujan dalam tanah. Perancangan saliran dan pengurusan air ribut yang tidak mencukupi atau tidak betul boleh menyebabkan banjir setempat, hakisan tanah, serta masalah pendedapan kelodak.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Laluan aliran sedia ada Sungai Berdah perlu dilencongkan semula supaya aliran tersebut berada di sepanjang takungan luar sungai (Off-River Storage, ORS) yang dicadangkan. L-Drain dipilih untuk melencongkan aliran Sungai Berdah.
- Takungan luar sungai (ORS) yang dicadangkan akan menampung peningkatan aliran puncak air larian dengan menyimpan air ribut dan melepaskannya secara beransur-ansur dari semasa ke semasa.

FASA OPERASI

UDARA, BUNYI DAN GETARAN



IMPAK

- Operasi projek yang dicadangkan menghasilkan tahap getaran yang agak rendah.
- Respons komuniti yang dijangka terhadap tahap bunyi kumulatif adalah "Tiada" di semua NSR bagi kesan kumulatif operasi projek terhadap kawasan sekitarnya.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Langkah-langkah mitigasi adalah seperti yang digariskan dalam "Guidelines for Environmental Noise Limits and Control: Annex D: Best Practice To Minimise Noise Disturbance".

PERSEKITARAN BIOLOGI



IMPAK

- Kesan biologi pada dasarnya ditangani melalui penanaman semula kehijauan menerusi landskap.

LANGKAH-LANGKAH MITIGASI

- Menubuhkan semula dan mempelbagaikan spesies flora dan fauna.
- Pokok yang ditanam secara strategik di kawasan penampan vegetatif akan bertindak sebagai penghalang bunyi semula jadi, pemecah angin, teduhan, serta penapis untuk menapis patogen bawaan udara dan habuk.


RINGKASAN PEMANTAUAN IMPAK, PEMANTAUAN PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN PRESTASI

Impak/Aspek Pemantauan	Parameter Pemantauan	Had Pematuhan	Frekuensi Pemantauan	Pemantauan Impak (IM)	Pemantauan Pematuhan (CM)	Pemantauan Prestasi (PM)
FASA PEMBINAAN						
Kualiti Air	pH Temperature Dissolve Oxygen Chemical Oxygen Demand Biological Oxygen Demand Total Suspended Solid Oil & Grease Ammoniacal Nitrogen Feacal Coliform Count Total Coliform Count Turbidity	6.0-9.0 - 5mg/L – 7mg/L 25mg/L 3mg/L 50mg/L 7;N 0.3mg/L 400 (CFU/100mL) 5,000 (CFU/100mL) 250 NTU	Setiap bulan	√	√	Tidak berkaitan
Kolam Sedimen	• Total Suspended Solid (TSS) • Turbidity	50mg/L 250NTU	(i) Setiap bulan (ii)Biweekly (iii)Per rainfall event	Tidak berkaitan	√	√
Turfing atau Perlindungan Sementara, Pemampatan Tanah, Sediment Basin, Check Dam, Temporary Earth Drain, Drainage Outlet Protection, Hoarding, Silt Fence, Stabilized Construction Access, Wash Trough dan Interlocking Paving Block	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	(i) Biweekly (ii)Per rainfall event	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	√

RINGKASAN PEMANTAUAN IMPAK, PEMANTAUAN PEMATUHAN DAN PEMANTAUAN PRESTASI

Impak/Aspek Pemantauan	Parameter Pemantauan	Had Pematuhan	Frekuensi Pemantauan	Pemantauan Impak (IM)	Pemantauan Pematuhan (CM)	Pemantauan Prestasi (PM)
FASA PEMBINAAN						
Kualiti Udara Ambien	• PM10 (24 jam) • PM2.5 (24 jam) • SO2 (24 jam) • CO (8 jam) • NO2 (1 jam) • Ozone (1 jam)	100µg/m³ 35µg/m³ 80µg/m³ 10mg/m³ 280µg/m³ 180µg/m³	Setiap 3 Bulan	√	√	Tidak Berkaitan
Paras Bunyi	• L₁₀ • L₅₀ • L₉₀ • L_{min} • L_{max} • L_{eq}	L₁₀ - 75dBA L_{max} - 90dBA Waktu Siang (7.00 pg - 7.00 mlm) (Perumahan)				
Paras Getaran	• Root Mean Square (RMS) at X-axis • Root Mean Square (RMS) at Y-axis • Root Mean Square (RMS) at Z-axis	0.8 mm/s - 1.6mm/s (R=8 - R=16) Waktu Siang (7.00 pg - 10.00 mlm) (Perumahan)				

CADANGAN LOKASI PERSAMPELAN PENGAWASAN UNTUK AIR, KOLAM SEDIMEN, UDARA AMBIEN, BUNYI DAN GETARAN SEMASA FASA PEMBINAAN



PENEMUAN KAJIAN

“Laporan ini telah menilai tiga (3) aspek utama entiti persekitaran cth., perancangan, fizikal dan sosio-ekonomi dengan mengintegrasikan cadangan pembangunan perindustrian. Kajian telah dilaksanakan di dalam Tapak Projek itu sendiri dan juga kawasan-kawasan di sekitarnya”



PERANCANGAN

Skop cadangan Projek ialah membina Skim Bekalan Air (WSS) dengan fasiliti sokongan di atas kawasan seluas kira-kira 23.961 ekar di Tanah Kerajaan Plot 1. Cadangan Projek pembinaan skim bekalan air Genting Permai ini telah diluluskan dan memperoleh Permit Penggunaan Hutan daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) Negeri Pahang bagi tempoh 25 tahun. Projek ini merupakan usaha sama antara Pengurusan Air Pahang (PAIP) dan Seri Aliran Sdn. Bhd.

Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Bentong, Pahang 2035 (Penggantian), tapak projek yang dicadangkan terletak dalam Blok Perancangan (BP) 1 – Bentong dan lebih khusus dalam Blok Perancangan Kecil (BPK) 1.6B – Genting Highlands. Berdasarkan BPK 1.6B – Genting Highlands, zon guna tanah bagi tapak projek adalah Hutan Simpan Kekal Bukit Tinggi. Berdasarkan Jadual Kelas Kegunaan Tanah bagi BPK 1.6B – Genting Highlands, Kolum III, aktiviti lain yang dibenarkan dengan syarat adalah Infrastruktur dan Utiliti – Bekalan Air.



FIZIKAL

Tapak Projek terletak dalam kawasan tadahan Sungai Berdah. Sungai Berdah, yang berpunca dari Hutan Simpan Bukit Tinggi, mengalir masuk ke tapak projek dari arah utara ke tenggara sebelum dilepaskan ke Sungai Tanglir. Aliran semula jadi Sungai Berdah di kawasan tapak cadangan akan diubah. Sungai tersebut akan dialihkan supaya mengalir di sepanjang Kolam Takungan Luar Sungai (Off-River Storage, ORS) yang dicadangkan, dan bukannya mengalir terus ke dalam ORS. Longkang berbentuk L (L-Drain) dicadangkan untuk menggantikan dasar sungai semula jadi serta mengalihkan aliran sungai dalam kawasan tapak. ORS yang dicadangkan didapati berdaya maju untuk memenuhi permintaan air pada masa hadapan, di samping mengurangkan aliran larian permukaan puncak di kawasan pembangunan yang dicadangkan.

Pihak Pemaju Projek akan melantik kontraktor untuk melupuskan sisa pembinaan yang dikumpulkan termasuk biomas serta sisa domestik ke Tapak Pelupusan Sanitari Padang Sertik. Bagi tapak projek ini, tiada penempatan sementara pekerja, pejabat tapak, kawasan penyelenggaraan, dan bengkel akan dibina dalam kawasan tapak projek.

Aktiviti kerja tanah (iaitu pemotongan dan penambakan tanah, pembentukan cerun potong dan tambak, kerja-kerja saliran, serta pengalihan sungai) bagi tapak projek akan dijalankan dalam satu (1) peringkat dengan jumlah keluasan kerja tanah (termasuk kawasan luar) adalah sebanyak 24.310 ekar.

PENEMUAN KAJIAN



FIZIKAL

Kerja-kerja pengalihan sungai bagi anak Sungai Berdah dan Sungai Berdah akan dijalankan dalam kawasan Tapak Projek semasa fasa kerja tanah. Bagi tapak projek ini, tiada batuan dasar akan dikorek atau dilupuskan. Oleh itu, tiada kerja letupan akan dijalankan. Sumber bahan tanah yang sesuai untuk kawasan timbunan di tapak projek akan diimport dari kawasan borrow pit luar tapak di mana akan ditentukan oleh pihak kontraktor yang dilantik pada peringkat kemudian nanti.

Berdasarkan penilaian hakisan tanah dan pemendapan serta pemodelan kualiti air yang telah dijalankan, adalah disyorkan supaya kawalan hakisan (iaitu penjadualan/urutan kerja, penanaman rumput/hidroseeding & geotekstil/tikar), kawalan sedimen (iaitu kolam sedimen & geotekstil dan beg pasir), kawalan pengurusan larian permukaan (iaitu longkang tanah sementara, perlindungan outlet saliran, empangan kecil/check dam, longkang bertingkat/cascade drain & longkang berteres/*berm drain*), serta kawalan perimeter/jejak (iaitu pagar kelodak/*silt fence*, laluan pembinaan yang distabilkan, blok turapan saling mengunci dan konkrit, kolam basuhan tayar, pembersihan jalan dan vakum, serta memastikan kawasan sentiasa lembap) bagi tapak projek hendaklah dilaksanakan bagi memastikan larian permukaan berada pada tahap terkawal serta mematuhi had kawalan kualiti permukaan, di samping mengekalkan kualiti air Sungai Berdah.

Semasa tempoh pembinaan, bagi meminimumkan penyebaran habuk terampai ke kawasan sekitar, penyemburan air secara berkala, penggunaan batu kerikil, dan penanaman semula vegetasi perlu dilaksanakan. Berdasarkan keputusan simulasi, jangkaan respons komuniti terhadap bunyi semasa tempoh pembinaan adalah "Tiada" dan dianggap tidak signifikan di NSR 1: Midhills Genting Highlands Residency dan NSR 2: sebuah banglo persendirian di Jalan Jaya Permai. Semasa kerja pemadatan dan cerucuk, VSR 1: Midhills Genting Highlands Residency terletak di luar zon pengaruh getaran bagi kerosakan kosmetik. Oleh itu, getaran pembinaan dijangka memberi kesan yang minimum kepada reseptor terdekat. Berdasarkan keputusan simulasi, jangkaan respons komuniti terhadap tahap bunyi kumulatif semasa tempoh operasi adalah "Tiada" di semua NSR bagi kesan kumulatif projek terhadap kawasan sekitarnya.



SOSIO-EKONOMI

Sebahagian besar responden menyatakan ketidaksetujuan terhadap pembangunan yang dicadangkan, dengan 40% sangat tidak setuju dan tambahan 40% tidak setuju, menjadikan jumlah keseluruhan penolakan sebanyak 80%. Hanya 20% responden menyatakan sangat setuju, manakala tiada responden memilih "neutral" atau "setuju", yang menunjukkan polarisasi jelas dalam sentimen awam dengan kecenderungan ketara ke arah penentangan. Sebab-sebab penentangan ini adalah berasaskan kebimbangan terhadap aspek alam sekitar dan sosioekonomi, terutamanya berkaitan dengan kedudukan projek yang berhampiran kawasan kediaman seperti Midhills.